From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Sunday, 24 April, 2022 11:14:06 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM CDC Jalin Kerjasama Dengan i-LEAD, KBS

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

24 APRIL 2022 / 22 RAMADAN 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Muhamad Adip Zulkeflee (Pelajar Praktikum dari SOIS)
Gambar oleh: UUM CDC

UUM CDC JALIN KERJASAMA DENGAN i-LEAD, KBS



UUM ONLINE: Jitra - Mesyuarat Penyelarasan Program Kerjaya Bersama Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta telah menyediakan platform terbaik kepada Pusat Pembangunan Kerjaya (CDC) Jabatan Hal Ehwal Pelajar untuk membina kolaborasi dengan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menerusi Kluster Kerjaya, Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD) di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Jitra, Kedah.

Pengarah Kluster Kerjaya i-LEAD, KBS, Mohd Khailani Ismail yang mempengerusikan mesyuarat tersebut berkata, visi i-Lead adalah sebagai penggerak kecemerlangan kompetensi kerjaya belia dan misinya adalah untuk meningkatkan kebolehpasaran belia untuk mendapat dan mencipta pekerjaan.

Di samping itu, menurutnya, Kluster Kerjaya merupakan salah satu daripada empat kluster di bawah sektor kecemerlangan i-LEAD yang memfokuskan kepada pembinaan belia dalam bidang penjanaan ekonomi, komunikasi dan bidang profesionalisme kerjaya.

“Antara fungsi Kluster Kerjaya adalah untuk mewujudkan kerjasama strategik dengan unit kerjaya universiti, pihak kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO), merancang dan membangunkan modul program latihan setiap bidang, menyediakan maklumat dan melaksanakan latihan kemahiran insaniah (softskill) tentang kerjaya kepada belia serta memberi khidmat runding cara kemahiran komunikasi sebagai asas

kecemerlangan belia di mana kumpulan sasar adalah graduan universiti awam dan swasta serta pelajar lepasan intitut latihan kemahiran.

“Modul-modul yang dikeluarkan oleh Kluster Kerjaya menjadi garis panduan dalam program-progam latihan belia di bawah kluster ini yang akan menggabungkan penerapan elemen nilai jati diri, personaliti, kemahiran insaniah dan keyakinan diri berkaitan kerjaya,” katanya.

Tambahnya, mesyuarat khas itu diadakan bagi penyelarasan program yang akan melibatkan pelajar dan belia daerah Kota Setar khususnya dan negeri Kedah secara amnya.

Sementara itu, Timbalan Pengurus CDC yang mewakili Pengurus CDC, Rasidah Rodzi berkata, inisiatif-inisiatif yang akan diambil oleh Kluster Kerjaya, i-LEAD, KBS akan memberikan impak yang besar terhadap kesedaran kerjaya belia dan graduan pada hari ini.

Ujarnya, latihan yang akan dibekalkan dapat menyumbang kepada tahap kebolehpasaran belia dan graduan yang tinggi dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

“Selaras dengan objektif i-LEAD iaitu untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran berkaitan peluang, cabaran dan laluan kerjaya melalui sesi perkongsian pembangunan kerjaya belia, meningkatkan tahap kebolehpasaran peserta melalui latihan dan kemahiran insaniah yang merupakan elemen penting untuk mencipta pekerjaan serta meningkatkan tahap kompetensi diri belia dan graduan melalui latihan kemahiran ini,” katanya.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.